

Ghafar letak jawatan

.M 16 OCT 1993

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Encik Ghafar Baba, 68, telah meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkuatkuasa hari ini.

Bagaimanapun, semua jawatannya dalam UMNO termasuk Timbalan Presiden terus dipegang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan telah menerima surat perletakan jawatan Ghafar, tetapi menegaskan beliau belum membuat keputusan sama ada mahu menerimanya.

"Saya masih mempunyai banyak masa," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang malam ini sejurus sebelum berlepas ke Malta untuk lawatan rasmi dan kemudian menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Kománwel (CHOGM) di Cyprus.

Surat perletakan jawatan Ghafar telah dihantar ke Pejabat Perdana Menteri oleh Setiausaha Sulitnya, Aziz Khalifa semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak begitu terkejut dengan tindakan Ghafar itu.

Katanya: "Sebelum ini saya telah dengar khabar angin mengenai perkara ini."

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata, jentera pentadbiran

kerajaan tidak terjejas dengan perkembangan tersebut.

Ghafar pada masa ini difahamkan masih berada di Korea Utara dalam rangka lawatan rasmi dan dijangka pulang pada Ahad ini.

Beliau berlepas ke negara itu 4 Oktober lepas dan sewaktu di sana beliau menerima anugerah *Friendship Order First Class* daripada Presiden negara itu, Kim Il Sung.

[PROFIL GHAFAR DI MUKA 2]

Ghafar yang merupakan wakil rakyat yang paling lama berkhidmat di negara ini, mengangkat sumpah sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mei 1986 bagi menggantikan Datuk Musa Hitam yang meletak jawatan secara mengejut.

Sebelum itu beliau tidak memegang jawatan dalam kerajaan setelah mengundur diri daripada Kabinet selepas kematian Allahyarham Tun Abdul Razak pada 1976. Beliau menolak tawaran untuk kekal sebagai menteri dalam Kabinet Tun Hussein Onn.

Dalam pemilihan UMNO pada April 1987, Ghafar mengalahkan Datuk Musa Hitam dengan kelebihan 40 undi bagi jawatan Timbalan Presiden apabila mendapat 739 undi.